

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: SEMPENA TAHUN BARU 2001

TEMPAT: MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)

TARIKH: 31 DEC 2000

MASA:

Pada hari kita menyambut tahun baru 2001, tahun yang sebenarnya menjadi permulaan abad dan alaf baru, ada baiknya jika kita ambil masa sedikit untuk merenung tentang perkembangan dan keadaan negara kita yang tercinta ini sejak kemerdekaannya empat puluh tiga tahun dahulu. Dengan berbuat demikian kita akan dapat memperingati diri kita, dari mana kita datang, di mana kita berada sekarang dan ke mana akan kita pergi. Mudah-mudahan dengan berbuat demikian kita akan dapat mengelak daripada mengulangi kesalahan-kesalahan kita dahulu dan bertindak dengan lebih bijak bagi kesejahteraan kita dan negara kita.

2. Kita sedar bahawa negara kita adalah negara berbilang kaum dan kaum-kaumnya terbahagi dengan lebih jauh jaraknya kerana kelainan bahasa, agama dan budaya. Ramai yang meramalkan di waktu kita mencapai kemerdekaan bahawa Malaysia tidak mungkin stabil dan maju kerana kaum-kaum yang terpisah ini juga berbeza daripada segi tahap kemajuan, tempat tinggal dan aktiviti hidup.

3. Tetapi dunia terpaksa mengakui bahawa walaupun demikian, Malaysia dapat berada dalam keadaan aman dan selamat dan pembangunannya adalah begitu pesat sehingga ia dianggap sebagai negara membangun yang termaju di dunia.

4. Kaum-kaum di Malaysia dapat hidup dalam keadaan aman damai kerana pemimpin-pemimpin kaum yang berjuang untuk kemerdekaan dan menggubal dasar asas negara adalah orang yang sederhana yang ingin melihat semua kaum mendapat tempat yang sewajarnya dalam negara yang bertuah ini. Mereka tidak keterlaluan dan amat bertimbangrasa. Mereka menolak tekanan daripada pihak yang keterlaluan daripada kaum masing-masing dan memilih untuk melayan hak semua kaum secara adil.

5. Tidak semua rakyat faham akan kebijaksanaan pengasas-pengasas negara kita. Maka berlakulah peristiwa 13 Mei 1969. Berikutan peristiwa tersebut para pemimpin pada masa itu mengambil iktibar dan membentuk dasar yang lebih berkesan untuk memberi makna

kepada persefahaman yang telah dicapai oleh pengasas negara.

6. Alhamdulillah, berkat kebijaksanaan pemimpin-pemimpin negara daripada semua kaum, perhubungan kaum dapat dipulihkan selepas 1969 dan sedikit demi sedikit telah menjadi lebih baik. Tidak ada lagi rusuhan kaum seperti yang diramalkan oleh orang asing.

7. Walaupun integrasi kaum sepenuhnya tidak dapat dicapai tetapi umumnya rakyat berbilang kaum di Malaysia hidup bersama, bekerja bersama, belajar bersama dan bermain bersama. Dengan bangganya rakyat Malaysia daripada semua kaum mengaku bahawa mereka adalah rakyat Malaysia di mana juga mereka berada di dunia. Malaysia adalah negara mereka, tanahair mereka. Di sinilah bumi yang mereka pijak dan di sinilah langit yang mereka junjung.

8. Dalam keadaan aman hasil daripada perpaduan kaum, pembangunan negara diusahakan. Dasar ekonomi negara diasaskan kepada kepercayaan bahawa yang penting bukan jumlah pendapatan yang diperolehi tetapi jumlah barang dan perkhidmatan yang boleh dibeli dengan pendapatan itu. Jika harga barangan dan khidmat dapat dikawal, pendapatan yang rendah tidak akan merendahkan taraf hidup. Ini bermakna kos sara hidup perlu dikawal rapi. Kos sara hidup yang rendah ini menjadikan kos pengeluaran di Malaysia lebih kompetitif dan menarik kepada pelabur tempatan dan asing. Dengan ini peralihan asas ekonomi daripada getah dan bijih timah kepada industri pembuatan mencapai kejayaan yang luar biasa.

9. Hari ini Malaysia sudah menjadi negara industri yang moden, yang mengeluarkan barangan elektronik yang canggih yang dieksport ke seluruh dunia. Produk Malaysia sudah sampai ke bulan dan terdapat dalam hampir semua barangan buatan di dunia.

10. Peralihan Malaysia kepada ekonomi berasas industri pembuatan berjaya membangunkan ekonomi negara dengan tingginya. Daripada pendapatan per kapita tiga ratus Dolar Amerika di waktu kita mencapai kemerdekaan, kita sekarang mencatat per kapita hampir empat ribu Dolar Amerika. Ia sepatutnya lebih daripada lima ribu Dolar Amerika jika tidak kerana Ringgit kita diturunkan nilainya oleh penyangak mata wang. Walaupun pendapatan per kapita ini rendah berbanding dengan negara-negara maju, tetapi oleh kerana kos sara hidup kita rendah, di Malaysia dengan empat ribu Dolar Amerika kita boleh membeli barangan dan khidmat bersamaan dengan lebih kurang sepuluh ribu Dolar Amerika di Amerika Syarikat umpamanya.

11. Oleh kerana kemajuan ekonomi maka pendapatan Kerajaan juga meningkat tinggi. Dengan itu segala

keperluan rakyat dapat disediakan. Di seluruh negara, sekolah, hospital, bekalan air, bekalan elektrik, jalan kampung dan luar bandar, lapangan terbang dan pelabuhan telah dibina oleh Kerajaan.

12. Tetapi untuk mempercepatkan pembangunan, pendapatan Kerajaan tidak mencukupi. Kita ada pilihan sama ada untuk menunggu sehingga Kerajaan dapat membesarkan tabung hasilnya dan meminjam wang dari pasaran atau kita membiayai pembinaan infrastruktur yang mendesak untuk rakyat dan industri melalui penswastaan. Meminjam terutama dari luar negeri adalah pendekatan yang tidak bijak. Justeru itu kita memilih penswastaan. Oleh kerana kita tidak meminjam, maka kejatuhan nilai Ringgit kita semasa kegawatan tidak menekan kita terlalu sangat. Sebaliknya penswastaan telah membolehkan kita membina beribu-ribu batu lebuhraya, loji air, penjana elektrik dan kemudahan-kemudahan lain dengan lebih cepat dan diuruskan dengan lebih cekap dan dengan keuntungan yang lebih besar. Oleh kerana Kerajaan terus mempunyai saham dalam sesetengah entiti yang diswastakan, bukan sahaja Kerajaan mendapat hasil daripada penjualan entiti-entiti ini kepada swasta, tetapi juga menikmati keuntungan yang diperolehi. Namun demikian, untuk mengurangkan bayaran tol dan sebagainya Kerajaan memindahkan harta kepada pihak swasta dengan harga yang nominal sahaja.

13. Jika kita tidak menggunakan pendekatan penswastaan ini kita tidak akan dapat menggunakan lebuhraya yang terbaik sekali di Asia Tenggara, tidak akan mendapat bekalan air atau elektrik yang cukup, dan tidak mungkin melihat Keretapi Transit Ringan di Kuala Lumpur dengan begitu awal. Bayangkanlah Malaysia tanpa projek-projek penswastaan ini.

14. Rakyat Malaysia diberi pelajaran dengan percuma atau dengan kos yang rendah. Sekolah rendah, menengah dan tinggi diadakan dengan banyaknya. Rakyat berbilang kaum dapat juga belajar dalam bahasa ibunda.

15. Daripada satu universiti sahaja negara sekarang mempunyai empat belas buah universiti Kerajaan dan berpuluh universiti dan institusi pelajaran tinggi swasta. Jika dahulu hanya yang kaya sahaja yang dapat pergi ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran tinggi, tetapi hari ini pelajaran yang setaraf dapat diikuti di dalam negara dengan perbelanjaan yang jauh lebih murah. Dengan itu lebih ramai daripada anak-anak rakyat Malaysia berpeluang mendapat pelajaran tinggi. Apabila dunia I.T. menjelma Malaysia mempunyai ramai rakyat terpelajar yang mampu menguasai ilmu baru ini dan menggunakannya.

16. Dengan pertumbuhan industri pembuatan yang pesat peluang kerja bertambah dengan banyaknya. Demikianlah

banyaknya peluang kerja sehingga hampir semua rakyat Malaysia tetap mempunyai pekerjaan jika mereka ingin bekerja. Namun peluang bekerja bertambah lagi dan pekerja asing pun mula memasuki untuk mencari kerja di Malaysia. Hampir dua juta pekerja asing menumpang peluang pekerjaan di Malaysia. Dan rakyat Malaysia kelas menengah dan atas mula menggajikan orang asing sebagai pembantu rumah kerana rakyat Malaysia sudah tidak lagi begitu terdesak untuk membuat kerja berat.

17. Kemajuan ekonomi negara dan peralihan daripada negara pertanian dan perlombongan kepada negara industri membawa perubahan fizikal kepada lanskap negara. Kawasan-kawasan yang ditanam getah diganti dengan ladang kelapa sawit dan kemudian ladang-ladang sawit digantikan dengan bandar-bandar baru dan dengan kawasan-kawasan perindustrian.

18. Di seluruh negara bangunan pencakar langit yang moden didirikan sepanjang jalan bandar, bahkan di luar bandar juga. Bandar-bandar kecil yang lama diganti dengan bandar besar yang moden, dan bandar-bandar baru yang didirikan dipenuhi dengan kedai-kedai, pejabat, rumah pangsa dan kediaman mewah. Bagi yang tidak berada, rumah kos rendah dibangunkan, sebahagian daripada kosnya dibiayai daripada keuntungan hasil penjualan rumah mewah.

19. Kuala Lumpur, ibu kota negara, sudah benar-benar menjadi Bandar Taman Bercahaya. Dari bandar kecil dengan penduduk seramai tiga ratus ribu orang, Kuala Lumpur sekarang mempunyai lebih daripada dua juta penduduk, penuh dengan hotel lima bintang, bangunan pejabat yang moden, pusat membeli-belah yang besar di mana barangan berjenama dipasarkan. Keretapi transit ringan membawa lebih empat juta penumpang sebulan ke pejabat dan pusat membeli-belah sementara keretapi komuter membawa masuk penumpang dari sejauh Seremban, Rawang dan Pelabuhan Kelang.

20. Taman-taman bunga dan botanikal terdapat di sana sini untuk penduduk dan pelawat mengambil angin dan bersukan. Terdapat juga lanskap dan tanaman bunga berwarna-warni di tepi-tepi jalan, di persimpangan jalan dan di mana terdapat kawasan lapang.

21. Kuala Lumpur sudah menjadi bandar kosmopolitan yang setanding dengan bandar-bandar besar ibu kota kepada negara-negara maju di dunia. Ia bersih dan cantik. Dan di tengah-tengah pusat bandar terdapat mercu tanda yang dikenali di seluruh dunia iaitu Menara Berkembar Petronas, bangunan yang tertinggi sekali di dunia.

22. Sepuluh tahun dahulu kita mengeluh kerana dunia tidak tahu di mana Malaysia. Orang asing bertanya apakah Malaysia berada di Negara China, atau utara

India di daerah Himalaya atau di Afrika dekat Malawi. Hari ini dunia mengenal dan tahu Malaysia kerana di sinilah diadakan perlumbaan F-1, Le Tour de Langkawi, LIMA dan Sukan Komanwel yang terbaik sekali. Juga Malaysia terkenal kerana berjaya menangkis serangan penyangak mata wang dan memulihkan ekonomi negara secara tidak ortodoks tanpa bantuan sesiapa. Walaupun ramalan orang asing ialah ekonomi Malaysia akan hancur kerana tidak mengikut telunjuk pakar-pakar ekonomi di dunia, tetapi pertumbuhan ekonomi negara selepas kegawatan adalah jauh lebih tinggi daripada pertumbuhan ekonomi negara-negara lain yang telah diserang oleh penyangak mata wang.

23. Hari ini peniaga, pengusaha dan pemaaju Malaysia terkenal dan dijemput untuk melabur dan membangunkan negara-negara lain. Ramai pakar-pakar ekonomi Malaysia diundang untuk memperbaiki ekonomi dan merancang pembangunan negara-negara tertentu yang kagum dengan kejayaan pembangunan dan kemajuan Malaysia.

24. Antara syarikat Malaysia yang berjaya di arena antarabangsa ialah Petronas, syarikat milik Kerajaan. Tidak ada syarikat petroliaam nasional mana-mana negara lain yang aktif mencarigali dan mengeluarkan minyak di luar negara sendiri. Petronas mengeluarkan minyak di Vietnam, Syria dan Sudan serta memasang paip gas dan minyak sehingga di Argentina. Petronas pernah disenaraikan sebagai syarikat yang teruntung sekali di dunia dalam Fortune 500, iaitu lima ratus syarikat terkemuka di dunia.

25. Sekarang Malaysia menjadi tumpuan industri I.T. dalam Koridor Raya Multimedia dan akan menjadi Pusat Kecemerlangan atau 'Centre of Excellence' untuk pendidikan bagi dunia. Penuntut dari Asia Tenggara, Afrika dan Eropah sudah mula menuntut di universiti dan institusi pelajaran tinggi di Malaysia.

26. Yang saya sebutkan di sini hanyalah sebahagian sahaja daripada kemajuan, pertumbuhan dan kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia. Sesungguhnya kejayaan Malaysia amatlah tinggi dan luar biasa berbanding dengan negara-negara membangun yang lain. Mungkin ada yang merasa bosan mendengar tentang kejayaan negara kita ini. Ramai yang mungkin menganggap pembangunan dan kejayaan ini adalah perkara biasa yang tidak perlu disebut atau berbangga dengannya.

27. Tetapi Tuan-tuan dan Puan-puan, ia bukanlah perkara biasa. Malaysia, sebagai negara berbilang kaum di mana kaum-kaum tidak seimbang pembangunannya, amat sukar dimajukan. Ini adalah kerana pembangunan mesti disertai dengan percubaan untuk mengimbangkan kemajuan semua kaum supaya tidak ada sesiapa yang merasa terpinggir dan ketinggalan. Usaha ini pula perlu dibuat tanpa merampas harta kekayaan mana-mana kaum

untuk diagihkan kepada kaum yang miskin. Sebaliknya pembahagian hendaklah dibuat daripada kek ekonomi yang dibesarkan.

28. Walau bagaimana kaya sesebuah negara, walau bagaimana cekap dan cerdik penduduknya, pembangunan tidak boleh berlaku tanpa kestabilan dan keamanan. Inilah keadaan utama yang menentukan kejayaan sesebuah negara.

29. Keadaan di Malaysia bukanlah ideal. Kaum-kaum di Malaysia belum berintegrasi sepenuhnya. Walaupun ada kumpulan yang tidak mendapat layanan istimewa bagi diri mereka, sebenarnya kemajuan mereka melebihi sasaran yang ditentukan kerana orang yang cerdik, rajin dan memiliki modal tidak dapat disekat kemajuan mereka. Justeru itu mereka terus maju dengan pesatnya dan mencapai bahagian mereka dengan lebih awal. Sebaliknya kumpulan yang lemah tetap jauh di belakang dan belum mencapai sasaran yang ditentukan bagi mereka, walaupun sasaran ini lebih rendah daripada peratusan mereka.

30. Walaupun sasaran yang ditentukan oleh Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi Bumiputera tidak tercapai sepenuhnya, tetapi sedikit sebanyak jurang perbezaan telah dapat dikurangkan. Demikianlah kejayaan DEB sehingga kegawatan ekonomi tidak menyebabkan rusuhan kaum berlaku seperti yang berlaku di beberapa negara lain.

31. Adalah jelas bahawa formula yang dicipta oleh pengasas-pengasas negara, iaitu Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Tan Siew Sin dan Tun Sambanthan yang diterima pakai dan disesuaikan oleh pemimpin-pemimpin Sarawak dan Sabah amat mustajab bagi Malaysia. Pemimpin-pemimpin yang memegang teraju selepas pengasas-pengasas negara hanya perlu memberi makna dan mengisi formula Malaysia yang telah dicipta dan dipersetujui semasa negara memperjuangkan kemerdekaan. Tidak ada lagi keperluan untuk membentuk dasar atau formula baru untuk menstabil dan mengamankan negara serta memajukannya.

32. Memandangkan kepada kejayaan formula ini apakah kita mahu menggugurkannya dan mencipta formula lain atas desakan mana-mana pihak yang mendakwa formula yang sudah kita amalkan selama empat puluh tiga tahun adalah tidak adil dan memihak kepada kaum tertentu sahaja? Apakah kita sanggup mengancam kestabilan dan kemajuan negara dan mungkin merosakkan masa depan kita kerana mana-mana pihak ingin mendapat semua yang dituntut oleh mereka?

33. Di Malaysia kita percaya bahawa keadaan yang ideal, yang terbaik yang boleh kita adakan ialah apabila tidak ada satu kaum pun yang berpuas hati dengan keadaan mereka. Ini adalah kerana setiap kaum

perlu membuat pengorbanan supaya kaum lain akan mendapat hak mereka. Jika ada mana-mana kaum mendapat semua yang dituntut tanpa membuat apa-apa pengorbanan, maka sudah tentu kaum lain akan rugi dan tidak akan mendapat hak yang sewajarnya bagi mereka.

34. Sebab itulah kita tidak boleh melayan sebarang tuntutan oleh mana-mana kaum untuk mendapat semua yang dianggap sebagai haknya. Jika dilayan, maka keadaan lebih tidak seimbang akan berlaku dan kestabilan negara akan terancam. Dalam masyarakat berbilang kaum jika perseimbangan menjadi terlalu buruk, tidak dapat tidak ketegangan dan rusuhan kaum akan berlaku. Jika rusuhan berlaku yang menuntut bukan sahaja tidak akan mendapat apa yang dituntut, tetapi yang sudah diperolehi pun mungkin hancur dan musnah dan kita semua akan mengalami kerugian besar.

35. Ada pihak yang cuba mendapat tuntutan mereka dengan melakukan pemberontakan bersenjata. Mereka telah melakukan sesuatu yang tidak pernah dilihat di negara ini apabila mereka menangkap, menyeksa dan membunuh orang yang tidak seagama dengan mereka. Mereka ini sudah lupa bahawa pengganas Komunis Malaya telah mencuba selama empat puluh tiga tahun, dari 1948 hingga 1990 untuk menjatuhkan Kerajaan Malaysia, tetapi gagal. Apakah mereka percaya dengan pasukan kecil mereka, mereka boleh berjaya? Apakah mereka yakin rakyat akan menyokong keganasan mereka?

36. Sebenarnya majoriti terbesar rakyat Malaysia terdiri daripada orang yang sederhana. Sama ada mereka Melayu, China atau India, atau Bumiputera lain, sama ada mereka Islam, Kristian, Buddhist atau Hindu, majoriti terbesar mereka tidak suka kepada keganasan dan huru-hara. Yang mereka mahu hanyalah keamanan yang membolehkan mereka hidup selesa dan dapat bekerja serta berniaga.

37. Kerajaan bertanggungjawab untuk memenuhi kehendak rakyat supaya mereka menikmati keselamatan dan keamanan. Bagi menunaikan tanggungjawab ini Kerajaan tidak boleh mencari populariti dengan semua kumpulan. Sudah tentu Kerajaan tidak boleh dibelenggu oleh orang asing dengan media beragenda mereka. Jika Kerajaan perlu bertindak untuk memelihara keamanan untuk majoriti terbesar daripada rakyat, maka Kerajaan akan bertindak.

38. Justeru itu fikirlah baik-baik. Apakah benar ketidakadilan dan pencabulan hak mana-mana kaum berlaku di Malaysia selama empat puluh tiga tahun kita merdeka ini? Fikir dan perhitungkan segala-galanya dengan baik sebelum kita mendesak supaya tuntutan untuk kaum kita diberi layanan. Apakah tindakan membuat tuntutan dan apa yang dituntut ini benar-benar boleh membawa kebahagiaan kepada pihak yang menuntut? Apa gunanya

mendapat hak yang lebih daripada sesuatu yang semakin kecil? Tidakkah mendapat bahagian yang kurang daripada sesuatu yang besar dan boleh menjadi lebih besar, lebih menguntungkan? "Isn't it better to have a smaller portion of a big and growing cake than to have a bigger portion of a shrinking small cake?"

39. "If because of instability caused by racial tension and lack of harmony Malaysia's growth is stunted and probably regress, what really is the gain?" Amatlah aneh apabila mereka yang tidak puas hati dengan keadaan di Malaysia sanggup berhijrah ke negara-negara di mana segala yang mereka nikmati di Malaysia tidak ada sama sekali. Sebenarnya Malaysia kita ini begitu baik bagi semua kaum, sehingga secara haram pun orang asing sanggup memasuki negara ini dan berminat untuk menjadi warganegara. Jika keadaan di Malaysia begitu buruk dan tidak ada layanan yang saksama antara warganegara, apakah akan ada orang yang berhempas pulas untuk menjadi warganegara negara ini?

40. Kita telah berusaha selama empat puluh tiga tahun membangunkan Malaysia hingga ke tahap ini. Dan ternampak jelas kita terus mampu mengurus dan membangunkannya. Apakah kerana pengorbanan sedikit yang kita semua perlu buat, maka semua yang telah kita bina, semua yang telah kita bangunkan, dibenar untuk dirobohkan? Formula yang telah kita gunakan begitu berkesan sekali dan dapat kita pakai dengan pengorbanan minima sahaja oleh kita semua. Memang ada sedikit kepincangan tetapi tidaklah lebih daripada yang terdapat dalam mana-mana negara di dunia.

41. Selama ini kita semua telah bersikap toleran dan sederhana. Kita boleh hidup, bekerja dan bermain bersama. Tidak ada paksaan terhadap sesiapa daripada kita untuk menukar bahasa, budaya atau agama kita. Hanya kita dikehendaki menerima hakikat bahawa Malaysia adalah Malaysia dengan identiti dan `character'nya, dengan bahasa dan budayanya yang tersendiri. Ia mempunyai unsur-unsur yang berasal dari negara-negara lain tetapi ia bukan negara lain. Penduduk asalnya Melayu dan Bumiputera diiktiraf sebagai punca dan asas kepada kebanyakan sifat yang ada padanya.

42. Konsep kerjasama "give and take" antara kaum yang dicipta oleh pengasas-pengasas negara yang diamalkan oleh Kerajaan yang ada sekarang adalah satu konsep atau formula yang mustajab. Demikianlah berjayanya konsep ini sehingga ramai dari dalam dan luar negeri cuba menirunya. Tetapi tiruan yang kita lihat dalam negara kita tidak mempunyai keikhlasan dan niat yang sama. Seperti kata penjenaka, mereka tidur satu bantal tetapi mimpi berlainan. Pengamal asal konsep kerjasama antara kaum mempunyai cita-cita yang sama iaitu untuk berlaku adil kepada semua. Rakyat yang ingin kepada kestabilan dan kemakmuran negara tentulah dapat

mengenal yang mana kaca dan yang mana permata.

43. Malaysia adalah sebuah negara demokratik di mana rakyat berhak menentukan maju atau tidaknya bangsa dan negara. Sama ada rakyat memilih kaca atau permata bergantung kepada penilaian dan ujian yang dibuat oleh rakyat. Tidak syak lagi bahawa rakyat akan memilih intan permata melainkan pemilihan dibuat dengan fikiran yang terganggu atau tertutup. Apabila kita berada dalam keadaan tidak tenang dan panas hati, maka mata hati kita akan kelabu atau tertutup. Di waktu itu pemilihan yang dibuat tidak lagi yang terbaik. Dengan hati yang marah kita akan membuat pilihan yang tidak akan menguntungkan kita.

44. Sekali lagi ingin saya mengingatkan bahawa kita telah melalui empat puluh tiga tahun yang bahagia. Walaupun ada kecacatan, tetapi umumnya negara kita aman dan berkembang maju dengan pesatnya. Apakah kerana ada pihak yang ingin mendapat semua untuk kaum atau kumpulannya, apakah kerana disogok dengan pembohongan dan fitnah sehingga kita berhati panas, maka kita menghancurkan dan memusnahkan segala yang telah kita bina bersama?

45. Dalam demokrasi rakyat adalah pengadil. Tetapi rakyat juga akan merasai kesan dan hasil daripada pengadilan yang dibuat oleh rakyat sendiri. Sebagai pengadil rakyat mesti tenang dan membuat penilaian dengan hati yang terbuka. Sentimen dan emosi tidak boleh dibenarkan mempengaruhi pertimbangan oleh pengadil. Perasaan marah tanpa sebab tidak mungkin menghasilkan pengadilan yang bijak. Kesilapan pengadilan akan dipikul oleh pengadil. Apabila negara sudah rosak, memulihkannya semula amatlah sukar.

46. Oleh itu pada permulaan tahun, abad dan alaf baru ini, marilah kita semua ketepikan tuntutan yang tidak mungkin dapat diterima oleh masyarakat berbilang kaum, marilah kita kembali kepada kesederhanaan dan toleransi yang telah membawa keamanan dan kemakmuran kepada kita dan negara kita. Percayalah jika kita terus berpegang kepada formula yang dibentuk oleh pengasas-pengasas negara kita setengah abad dahulu, maka kita akan dapat menjayakan Wawasan 2020 yang menjadi sasaran kita.

47. Kita boleh, Malaysia boleh. Hanya dua puluh tahun sahaja lagi yang diperlukan untuk menjadikan negara kita negara maju di mana rakyat akan hidup makmur dan bahagia. Justeru itu, bersabarlah dan berusaha. Jalinlah hubungan yang baik antara kita sesama kita. Percayalah hasil dan nikmat yang akan kita terima apabila kita menjadi maju jauh lebih besar daripada pengorbanan yang sedikit yang kita perlu buat. Semua kaum, Melayu, Cina, India dan suku-suku kaum di Sarawak dan Sabah, dan juga Orang Asli tidak akan kesal dengan pengorbanan yang telah dibuat. Mereka akan bersyukur

kerana mereka memilih untuk menolak keterlaluan dan ketamakan.

48. Pada hari yang bersejarah ini ingin saya ucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua rakyat Malaysia. Saya berdoa tahun, abad dan alaf baru ini akan membawa kebaikan dan keuntungan kepada kita semua. Insya-Allah.

Selamat Tahun Baru.